

Parlimen: Kerajaan Sedia Peruntukan Besar Atasi Banjir Di Selangor
Bernama
21 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan besar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk mengatasi masalah banjir di Selangor, kata Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup di Dewan Rakyat.

Beliau berkata dalam RMK-9, Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM527.8 juta untuk projek mencegah banjir di negeri Selangor dan bukan RM60 juta seperti didakwa pembangkang.

"Untuk makluman, di bawah rolling plan pertama 2011-2012 dan rolling plan kedua 2012-2013 di bawah RMK-10, Kerajaan Persekutuan sebenarnya telah meluluskan peruntukan sejumlah RM108.5 juta untuk negeri Selangor termasuk sejumlah RM24.78 juta bagi tahun 2011," katanya semasa menggulung ucapan penangguhan pada persidangan Dewan Rakyat, Khamis.

Teresa Kok (DAP-Seputeh) ingin tahu sama ada peruntukan mitigasi banjir dikurangkan secara sengaja di Selangor sehingga menyebabkan banjir di banyak tempat.

Kurup berkata kerajaan Selangor, yang ditadbir parti pakatan, perlu mempertingkatkan peranan dan memikul tanggungjawab untuk mengatasi masalah banjir di negeri itu.

Persidangan dewan bersambung Isnin.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674792>